



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**KETUA PEGAWAI SAINTIFIK (KAJI KUMAN) (M.15)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Kesihatan.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam



KETUA PEGAWAI SAINTIFIK (KAJI KUMAN)
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.15 (\$3,890 - \$4,220 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang berkaitan Makmal Klinikal atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai Pegawai Saintifik Kanan atau Pegawai Saintifik atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji M.14 / M.13 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

2. Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji M.12 / M.11 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi ditahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai satu bahagian makmal dan bertanggungjawab dalam mentadbir dan mengurus kakitangan di bawah jagaan;
2. Bertanggungjawab bagi kesempurnaan dan mutu ujian makmal dengan mengawasi mutu (*quality*) ujian makmal;
3. Bertanggungjawab bagi memastikan kaedah ujian yang digunakan selaras dengan Piawaian Antarabangsa, yang telah ditetapkan serta diikuti oleh kakitangan bawahan;
4. Bertanggungjawab bagi mempertingkatkan dan memperbaiki perkhidmatan makmal dengan teknologi yang terkini dan bersesuaian dari semasa ke semasa;



5. Bertanggungjawab dalam memastikan kompetensi kakitangan bawahan dengan menyediakan program latihan dan kursus ulangkaji;
6. Bertanggungjawab bagi menyediakan program latihan penempatan bagi pegawai-pegawai serta penuntut-penuntut;
7. Membantu mengendalikan hal ehwal pentadbiran, pengurusan kakitangan dan sumber tenaga di semua Bahagian di bawah Jabatan Perkhidmatan Makmal;
8. Menyediakan rancangan dan keperluan latihan yang diselaraskan oleh penyelaras latihan;
9. Menyediakan laporan tahunan, rancangan belanjawan tahunan, membentuk, mendokumentasikan serta melaksanakan dasar-dasar dibahagiannya;
10. Bekerjasama dengan Pakar-Pakar Makmal dan Pegawai Perubatan Makmal dalam memberikan perkhidmatan kepada semua pelanggan Makmal; dan
11. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dan Pengarah Perkhidmatan Makmal dari semasa ke semasa.